

# PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam Terma dan Syarat Term Deposit Islamik. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

*Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen. Be sure to also read the terms and conditions in Terms and Conditions of Islamic Term Deposit. Kindly seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.*



BANK SIMPANAN NASIONAL

## BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen

Tarikh / Date : \_\_\_\_\_  
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan / Eksekutif  
Deposit / Wakil Cawangan / To be filled in by  
Financial Executive / Deposit Executive / Branch  
Representative

### 1. Apakah produk ini? / What is this product about?

- Produk BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen adalah Deposit Berjangka Islamik dengan kadar keuntungan tetap yang ditawarkan kepada semua Pelanggan individu dan bukan individu. / This product of BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen is an Islamic term deposit with a fixed profit rate offered to all individual and non-individual Customers.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk produk ini? / What is the Shariah concept applicable for this Product?

- Konsep Syariah yang digunakan bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. / The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.
- Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur dwi-wakil yang merangkumi / The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement involving the following:
  - Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada pihak ketiga; dan / The appointment of the Bank who acts as an agent to buy the commodity on behalf of the Customer from a third party; and
  - Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan penjualan Komoditi secara Murabahah kepada Bank. / The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the Customer to conclude the selling of the commodity to the Bank on Murabahah basis.

### 3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

- Kadar Keuntungan tetap akan ditentukan terlebih dahulu semasa deposit dilakukan. / Fixed profit rate shall be determined upfront upon placement of the deposit.
- Keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan tertakluk kepada jumlah peletakan deposit minimum dan tempoh peletakan seperti berikut: / Profit will be paid to the Customer subject to the minimum placement amount and tenure as below:

#### BSN Term Deposit-i

Tempoh / Tenure (Bulan / Month)	Peletakan Minimum / Minimum Placement (RM)		Kekerapan Pembayaran Keuntungan / Frequency of Profit Payout
	Individu / Individual	Bukan Individu / Non-Individual	
1	1,000	1,000	Pada Tarikh Matang / Upon Maturity
2 – 12	500	500	Pada Tarikh Matang / Upon Maturity
15 – 60	500	500	Setiap 6 Bulan / Pada Tarikh Matang (Every 6 Months/ Upon Maturity)

#### BSN Term Deposit-i Senior Citizen

Tempoh / Tenure (Bulan / Month)	Peletakan Minimum (RM) / Minimum Placement (RM)	Kekerapan Pembayaran Keuntungan / Frequency of Profit Payout
12 – 60	5,000 – 50,000	Setiap 4 Bulan / Every 4 Months
12 – 60	> 50,000	Setiap Bulan / Monthly

**Pengiraan Keuntungan dan Ilustrasi / Profit Calculation and Illustration**

Item	Penerangan / Description
Jumlah Peletakan Deposit / <i>Deposit Placement Amount</i>	RM5,000
Tempoh / <i>Tenure</i>	30 Hari (1 bulan) / <i>30 Days (1 Month)</i>
Kadar Keuntungan/ <i>Profit Rate</i>	2.75%
Keuntungan/ <i>Profit</i>	$= \text{Jumlah Peletakan Deposit (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \text{Bilangan Hari Peletakan Deposit / 365} @ 366$ $= \text{Deposit Placement Amount (RM)} \times \text{Profit Rate (\%)} \times \text{No. Of Days of Deposit Placement / 365} @ 366$ $= \text{RM5,000} \times 2.75\% \times 30 / 365$ <b><math>= \text{RM11.30}</math></b>

**4. Apakah terma dan syarat lain bagi produk ini yang perlu saya tahu? / What are the other key terms and conditions of this product that I should know?**

- Pengeluaran secara separa adalah tidak dibenarkan bagi produk ini. / *Partial redemption is not allowed for this product.*
- Penebusan awal atau permintaan awal terhadap Harga Jualan (amaun simpanan beserta keuntungan) sebelum tarikh matang: / *Early redemption or early demand for Selling Price (deposit amount plus profit) before its maturity date:*
  - (i) Bagi peletakan / pembaharuan **sebelum 1 Januari 2019**, Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberikan rebat (Ibra') dengan melepaskan sebahagian atau keseluruhan keuntungan daripada Harga Jualan sepetimana yang telah dipersetujui bersama BSN dan seterusnya bersetuju dengan ketetapan berikut: / *For placement / renewal prior to 1 January 2019, the Customer hereby acknowledges and agrees to grant rebate (Ibra') by releasing a part of or all profit comprise in the agreed Selling Price whereby:*
    - Penebusan dilakukan selepas tempoh satu (1) bulan atau lebih dari tarikh peletakan / pembaharuan, Pelanggan layak mendapat 50% daripada keuntungan terakru; / *Redemption made after a period of one (1) month or more from the date of placement / renewal, Customer is entitled to receive 50% of the accrued profit;*
    - Penebusan dilakukan dalam tempoh kurang daripada satu (1) bulan dari tarikh peletakan / pembaharuan, Pelanggan tidak layak menerima sebarang keuntungan. / *Redemption made within a period of less than one (1) month from the date of placement / renewal, Customer is not entitled to receive any profit.*
  - (ii) Bagi peletakan / pembaharuan **pada atau selepas 1 Januari 2019**, Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberikan rebat (Ibra') dengan melepaskan keseluruhan keuntungan daripada Harga Jualan. Pelanggan tidak akan menerima sebarang keuntungan tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap. Sekiranya keuntungan telah dikredit ke dalam akaun Pelanggan sebelum penebusan awal dilakukan, BSN berhak untuk mendapat balik keuntungan daripada amaun prinsipal semasa penebusan awal dilakukan. / *For placement / renewal on or after 1 January 2019, Customer hereby acknowledges and agrees to grant rebate (Ibra') by releasing all profit comprised in the agreed Selling Price whereby no profit will be given regardless of the number of completed months at the time of early redemption. If any profit has been credited into your designated savings account, BSN reserves the right to recover such profit from the principal amount at the time of such early redemption.*
- Penebusan BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen boleh dilakukan di mana-mana Cawangan Bank. / *Redemption of BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen can be made at any of the Bank's branches.*
- Pembaharuan secara automatik (rollover) adalah tersedia bagi produk ini. Pelanggan boleh memilih untuk membuat pembaharuan jumlah prinsipal sahaja atau jumlah prinsipal dan keuntungan, yang mana berkenaan. / *Automatic renewal (rollover) is available for this product. Customer may choose to renew only principal amount or principal amount plus profit, where applicable.*
- Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa dengan mengekalkan BSN Term Deposit-i dengan Bank, pelantikan Bank sebagai ejen kepada Pelanggan akan diteruskan dan hanya akan ditamatkan serentak selepas penutupan BSN Term Deposit-i dan pembubaran kontrak Tawarruq antara Pelanggan dan Bank. / *The Customer hereby agrees that by maintaining BSN Term Deposit-i with the Bank, the appointment of the Bank as an agent to the Customer will be continued and only be terminated concurrently upon BSN Term Deposit-i closure and dissolution of Tawarruq contract between the Customer and the Bank.*
- Pelanggan dengan ini sedia maklum bahawa mana-mana wang berbaki di dalam mana-mana akaun yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun dari tarikh transaksi terakhir akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Bank akan menutup akaun tersebut dan memindahkan baki wang kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 (termasuk sebarang pindaan keatasnya). Sebarang tuntutan untuk wang tersebut hendaklah dilakukan oleh Pelanggan secara terus melalui Pendaftar Wang Tak Dituntut. / *The Customer aware that any moneys remaining in any Account which has not been operated for seven (7) years from the date of the last transaction shall be classified as "Unclaimed Moneys". The Bank shall close the Account and transfer the fund in the Account to the Registrar of Unclaimed Moneys as required under the Unclaimed Moneys Act 1965 (including any amendment thereto). Any claims for the said fund by the Customer must be made directly to the Registrar of Unclaimed Moneys.*
- Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memastikan akaun mereka aktif dengan sentiasa mengemaskini akaun tersebut sekurang-kurangnya sekali dalam tujuh (7) tahun dari tarikh urusan terakhir dilakukan untuk mengelakkan wang di dalam akaun tersebut diklasifikasikan sebagai Wang Tak Dituntut. / *Customer hereby agrees to keep their accounts active by updating the account at least once every seven (7) years from the last date of the last transaction to avoid the funds in the account being classified as "Unclaimed Moneys".*

- Keuntungan tidak akan diberikan kepada mana-mana deposit yang telah diklasifikasikan sebagai Wang Tak Dituntut. / *Profit will not be given for any deposit that has been classified as Unclaimed Money.*

## **5. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar? / What other charges do I have to pay?**

Tiada fi dan caj dikenakan. / *No fees and charges will be imposed.*

## **6. Apakah risiko yang terlibat? / What are the risks involved?**

- Pelanggan adalah terdedah kepada risiko berkaitan yang dinyatakan pada Item 4 Penyata Pendedahan Produk ini sekiranya Pelanggan membuat penebusan awal atau permintaan awal terhadap Harga Jualan (amaun simpanan beserta keuntungan) sebelum tarikh matang. / *The Customer is exposed to the associated risks specified in Item 4 of this Product Disclosure Sheet if the Customer makes an early redemption or an early demand for Selling Price (deposit amount plus profit) before its maturity date.*
- Pelanggan adalah dinaisahkan untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko dan mendapatkan bantuan lanjut daripada pegawai Bank di Cawangan berdekatan sekiranya perlu sebelum membuat keputusan peletakan deposit. / *The Customer is advised to consider all risk factors and to seek further assistance from the Bank's officer at the nearest branch if necessary, before making a deposit placement decision.*

## **7. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?**

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Pusat Khidmat Pelanggan kami secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam butir-butir perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua pemakluman dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. / *It is important that you inform our Customer Service Center via mail or email of any changes in your contact details. This ensures that all correspondences reach you in a timely manner.*

## **8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?**

Jika anda ingin mengemukakan pertanyaan dan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak Bank di / *If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan  
Bank Simpanan Nasional**  
**Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)**  
**Emel/Email: [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:*

**BNMLINK**  
**Jabatan Komunikasi Korporat**  
**Bank Negara Malaysia**  
**P.O.Box 10922**  
**50929 Kuala Lumpur**  
**Tel: 1300 88 5465**  
**Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>**

## **9. Dimana boleh saya memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen, sila rujuk terma dan syarat produk yang boleh didapati di laman web [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my). / *Should you require additional information on BSN Term Deposit-i / BSN Term Deposit-i Senior Citizen, please refer to terms and conditions of the product at [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) website.*

## **10. Lain-lain produk deposit BSN yang disediakan / Other deposit packages available**

- NIL

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai [29 November 2024] / *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from [29 November 2024].*